



• EMPAT srikandi yang akan menunjukkan bakat di Indonesia. Dari kiri, Julyna, Naisah, Surhayati dan Sa'yah.

## Dua kali gembira bagi empat srikandi

BAGI empat orang srikandi muda ini, pertandingan silat yang mereka sertai semalam telah membawa kegembiraan yang bukan kepalang.

Di samping memenangi pertandingan bahagian kesenian srikandi, mereka juga telah mendapat satu berita yang sungguh menggemirakan — menunjukkan bakat masing-masing dalam Festival Seni Silat di Sumatra Barat pada Disember ini.

Cik Surhayati Mokti dan Cik Sa'yah Kamsin, kedua-dua mereka berusia 23 tahun dari kumpulan Pencak Sunda, berjaya menjadi johan bahagian kesenian srikandi sementara Cik Julyna Osman, 15 tahun, dan Cik Naisah Jamil, 18 tahun, dari Gayong Perwanit pula adalah naib johan.

Undangan ke Indonesia itu telah disampaikan oleh Encik Eddie M. Nalapraya, dari Indonesia, dalam majlis penyampaian hadiah Pesta Silat Kebangsaan di Dewan Badminton Singapura semalam.

Encik Nalapraya, Ketua Umum Pengurus Besar Ikatan Pencak Silat Indonesia (IPSI) dan Presiden Persekutuan Silat Antarabangsa, berada di sini untuk menyaksikan sendiri pertandingan yang dianjurkan oleh Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Menurut beliau, tujuan utamanya membuat undangan tersebut ialah untuk memberi peluang kepada pesilat setempat menimba pengalaman, di samping melihat perkembangan silat di Indonesia.

Sementara itu, Cik Surhayati telah melahirkan rasa gembira kerana berpeluang menunjukkan bakat di rantau orang.

Beliau belajar silat selama lapan tahun, mulanya di bawah bimbingan bapa beliau sendiri iaitu Encik Mokti Asnapi.

Bagi menyertai pertandingan itu, beliau dan Sa'yah telah berlatih sejak empat bulan lalu.

Cik Sa'yah pula belajar silat sejak empat tahun lalu atas kemahuannya sendiri.

"Penat lelah kami selama ini tidak sia-sia, kerana menerima ganjaran yang di luar dugaan," kata Cik Sa'yah.

Cik Julyna dari Institut Kejuruan Ang Mo Kio, bahagian pertukangan, berkata bahawa kegiatannya dalam bidang seni silat baru bermula iaitu kira-kira enam bulan lalu.

"Saya mempelajari seni silat itu semata-mata untuk mempertahankan diri dan inilah pertama kali berpeluang menyertai pertandingan seperti ini," katanya.

Pasangannya, Cik Naisah, penuntut menengah lima Sekolah Menengah Teknikal Upper Serangoon, berkata bahawa ia adalah kali kedua beliau menyertai pertandingan peringkat kebangsaan.

Kali pertama ialah dalam 1982 apabila beliau mendapat tempat ketiga bagi bahagian solo remaja.

Dalam pesta selama dua hari itu, johan Olahraga Pencak Silat telah dimenangi oleh Pasukan Alhak sementara Gayong Perwanit menjadi naib johan dan Pancasakti di tempat ketiga.

1 SEP 1986